

21/10/2002

Dr Mahathir sedia berperanan tangani masalah umat Islam

Khaidir Abdul Majid

JEDDAH, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersedia untuk terus memainkan peranan dalam menangani masalah yang dihadapi umat Islam walaupun selepas bersara Oktober tahun depan.

"Saya bersedia memainkan peranan itu tetapi bukan sebagai Perdana Menteri," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Apabila ditanya atas kapasiti apa yang beliau mahu memainkan peranan itu, Dr Mahathir berkata perkara itu mungkin boleh difikirkan kemudian.

Beliau diminta mengulas saranan seorang wartawan Arab pada sidang akhbar sebelum itu, supaya beliau meneruskan usaha dan sumbangan dalam menangani isu yang dihadapi umat Islam sekarang, terutama selepas kejadian 11 September 2001 yang mana dunia dipisahkan dua, iaitu pihak yang menyokong Amerika Syarikat dan negara Islam.

Ketika menjawab soalan itu pada sidang akhbar berkenaan, Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh berseorangan dalam usaha itu.

"Apa yang perlu dilakukan ialah kedua-dua pihak (Amerika dan negara Islam) duduk dan memikirkan bagaimana hendak menyelesaikan masalah yang dihadapi," katanya.

Perdana Menteri berkata Amerika marah kerana untuk kali pertama negaranya diserang penganas.

"Umat Islam pula marah kerana Amerika seolah-olah menganggap mereka semua bersalah.

"Jadi jelas tindak balas kedua-dua pihak tidak rasional. Apa yang kita cuba buat ialah untuk memberitahu Amerika cara mengatasi masalah keganasan itu bukanlah dengan mendirikan halangan.

"Bukanlah dengan mengambil tindakan seperti melancarkan peperangan terhadap sesuatu negara.

"Anda mungkin boleh mengalahkan sesuatu negara tetapi dengan keganasan kita tidak tahu di mana musuh bersembunyi," katanya.

Dr Mahathir berkata, Amerika mungkin boleh menawan Afghanistan dan Iraq atau mana-mana negara lain tetapi ia tidak bermakna masalah diselesaikan.

"Ada pihak yang marah mungkin melancarkan serangan seperti di Bali dan Filipina. Mereka boleh melancarkannya di Amerika dan tidak memerlukan bala tentera.

"Mari kita duduk berbincang dan mengenal pasti mengapa bertindak membunuh diri sendiri. Mereka bukannya orang gila, mereka mempunyai isteri dan anak," katanya.

Dr Mahathir berkata, pada pendapat beliau salah satu punca masalah berkenaan ialah penindasan rakyat Palestin oleh Israel.

"Pihak Israel merampas tanah Palestin, membunuh secara terbuka dan bangga dengan tindakan mereka.

"Jika kita boleh memberhentikan keganasan ini, kita boleh melegakan ketegangan di rantau ini," katanya dengan disambut tepukan gemuruh daripada wartawan Arab yang menghadiri sidang akhbar itu.

Sebelum itu, Dr Mahathir yang tiba di Jeddah dari Riyadh hari ini bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan delegasi mengadakan dialog dengan ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Jeddah (JCCI).

Pada sesi dialog itu, menjawab soalan mengenai sama ada Malaysia akan terus berkembang pesat selepas beliau meletakkan jawatan, Dr Mahathir berkata negara akan terus membangun pada kadar yang menggalakkan.

Beliau berkata, ungkin ada masalah sedikit dari semasa ke semasa, tetapi

oleh kerana sistem, dasar dan amalan sudah disusun, pertumbuhan akan terus dicatatkan.

"Lagipun pengganti saya amat arif dengan strategi kita dan bukanlah seorang yang asing dan sudah bekerja bersama saya.

"Pengganti saya memahami strategi ini dan tahu bagaimana hendak menguruskan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir, isteri dan delegasi mengerjakan umrah petang ini dan esok sebelum berlepas pulang ke Malaysia selepas mengadakan lawatan ke India, Pakistan dan Arab Saudi sejak 16 Oktober lalu.